

## BAB V

### PERANAN PERSATUAN ORANG ISLAM DAN RESPON DARI KERAJAAN

Penyertaan rakyat dalam politik adalah suatu perkara yang penting dan perlu bagi memperkuatkan lagi keabsahan sesuatu kepimpinan atau sistem politik. Bagi rakyat, ia merupakan suatu saluran yang berkesan untuk mengenangkan tuntutan dan keluhan mereka kepada pihak berkuasa.

Dalam sistem demokrasi peluang penyertaan dibuka luas, pergerakan yang bebas yang diakui oleh perlombagaan negara serta sifat keterbukaan kerajaan Thai pada tahun 1973-1976 telah digunakan dengan semaksimanya oleh masyarakat Islam di daerah Muang sebagai jalan untuk mencapai beberapa tuntutan yang selama ini dikongkong.<sup>1</sup> Persatuan dan pertubuhan Islam digerakkan supaya memain peranan masing-masing yang lebih bercorak isu-isu semasa. Saluran baru ditubuhkan contohnya Pergerakan Pelajar Islam Selatan (SELATAN) untuk memastikan keberkesanannya tuntutan yang dianjurkan kepada kerajaan. Beberapa siri demonstrasi menuntut hak dan keadilan berlaku ketika itu. Dan sudah tentu respon pihak berkuasa untuk melayani tuntutan dan menangani persoalan yang timbul juga diberi keutamaan kerana sifat-sifat sensitif daerah berkenaan.

---

<sup>1</sup>Setelah regim diktator diguling berlaku ledakan tuntutan keadilan, protes dan mogok. Pada tahun 1973 terdapat 501 tuntutan, pada tahun 1974 sebanyak 357 dan menurun kepada 241 dan 133 pada tahun 1975, 1976. Likhit Dhiravegin, Kanmuang Kanpokkhrong, hlm. 149.

## **1) Persatuan Yang Ditubuh oleh Rakyat**

Dalam kajian penyertaan rakyat dalam politik perlu dikaji perkembangan pertubuhan atau persatuan yang ditubuhkan oleh rakyat. Ini kerana kelahiran pertubuhan atau persatuan yang ditubuhkan oleh rakyat. Ini kerana kelahiran pertubuhan atau persatuan adalah suatu manifestasi kesedaran untuk berorgaisasi dan melakukan kegiatan-kegiatan yang dapat dimunafaat oleh masyarakat sekeliling.

Penduduk daerah Muang Narathiwat juga tidak ketinggalan dalam arus kesedaran ini. Mereka juga turut bersatu menubuhkan persatuan. Dua persatuan yang bergerak cergas sepanjang tempoh 1970-1980 iaitu Persatuan Islam Narathiwat (PIN) dan Pergerakan Pelajar Islam Selatan (SELATAN).

### **(i) Persatuan Islam Narathiwat**

Semasa Dr. Pridi Panomyong, Perdana Menteri Thailand mengistiharkan pemakaian perlumbagaan ketiga pada 9 Mei 1946 yang memberi kebebasan yang lebih meluas kepada rakyat, penduduk daerah Muang ketika itu turut mengambil bahagian. Dengan adanya kebebasan maka lahirlah Persatuan Islam Narathiwat pada bulan Ogos tahun yang sama. Ia diasaskan oleh orang-orang Islam yang progresif di zaman itu yang terdiri dari Haji Daud Mat Diah, Che Deraman Haidara, Muhammad Haji Che Mat dan Samat (Abdul Samad) lamvirote.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup>Temuramah dengan Sorn (Che Isa) Thaisanit pada 4 Mei 1994 dan Dato' Sin (Wan Hussein) Daraman pada 5 Mei 1995.

Tujuan penubuhan persatuan ini ialah untuk menggalakkan perpaduan, pendidikan kesukinan, kebajikan masyarakat dan pekerjaan.<sup>3</sup> Dari tujuan tersebut boleh dikatakan bahawa Persatuan Islam Narathiwat menitik berat kepada perkhidmatan sosial dan kebajikan ahli persatuan dan masyarakat Islam di daerah itu dengan mengenepikan kegiatan-kegiatan yang bercorak politik tempatan dan nasional. Ini dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang tubuh persatuan yang selaras dengan undang-undang negara yang menyebut mana-mana persatuan hendaklah “tidak ada tujuan untuk berpolitik”.<sup>4</sup> Namun begitu dari bentuk logo persatuan yang dimasukkan rupa sebuah kitab Al-Quran, bintang dan bulan sabit yang diakui sebagai simbol Islam tentunya ia tidak dapat dipisahkan dari falsafah ajaran Islam yang menyeluruh.

Nama-nama jawatankuasa pertama bagi persatuan ini yang setakat dapat disebut ialah:<sup>5</sup>

1. Che Deraman Thaidera, Presiden
2. Rawat Rajmukda (Tengku Ramli Tengku Abdullah)  
Timbalan Presiden
3. Harun Taufik, Setiausaha

---

<sup>3</sup>Undang-undang Tubuh Persatuan Islam Changwat Narathiwat hlm. 1.

<sup>4</sup>Visuth Phothitaen, ‘Kuamkid Kiaukab Kanhai Kuamru Naithang Kanmuang Phuakanmi Suanruam Thangkanmuang Timi Prasithipab Nai Prathet Thai’ (Idea Sosialisasi Politik Untuk Penyertaan Dalam Politik Yang Efektif Di Thailand), Ratthasartsarn, Tahun III, Bil. 3, (Ogos 1976), hlm. 53.

<sup>5</sup>Temuramah dengan Sorn Thaisanit.

4. Harun Haji Daud
5. Sorn Thaisanit
6. Mohammad Jah
7. Che Umar Mat Saman
8. Wan Harun Wan Namat
9. Wan Musa Wan Namat
10. Abdul Majid che Mat Zin
11. Wan Ahmad Idris
12. Wan Hussein Wan Abdul Rahman (Dato Sin Deraman)
13. Che Wail Penchit
14. Haji Mohammad Syeikh Salleh
15. Haji Wan Chik

Pada peringkat awal penubuhan, jawatankuasa persatuan dipilih pada tiap-tiap satu tahun seramai 21 orang. Bagi ahli dikenakan bayaran yang berbeza iaitu lelaki satu baht dan wanita 50 satang atau setengah baht.<sup>6</sup> Ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan kaum wanita dalam persatuan.

Kelahiran sebuah persatuan Islam yang dipimpin oleh golongan progresif dan juga beberapa aktiviti yang dijalankannya telah mendapat perhatian pihak berkuasa. Di zaman Phibunsongkhram sebagai Perdana Menteri, persatuan ketika itu dipimpin oleh Prasat

---

<sup>6</sup>Ibid.

(Abdul Rasul) Pimanmen<sup>7</sup> telah dijemput ke Bangkok untuk menemui Perdana Menteri itu. Dalam lawatan itu para perwakilan persatuan telah menunjukkan identiti kemelayuan mereka dengan mengenakan pakaian seragam putih dan bersongkok.<sup>8</sup> Dalam perayaan Maulid Nabi s.a.w. yang dianjurkan bersama dengan Majlis Ugama Islam Narathiwat semasa Samat lamvirote menjadi wakil rakyat,<sup>9</sup> persatuan telah mengadakan perarakan dengan sepanduk-sepanduk dalam bahasa Melayu. Perarakan itu bermula dari Masjid Jumiah mengelilingi bandar Narathiwat.<sup>10</sup>

Selain dari aktiviti keagamaan dan bahasa, persatuan juga menjalankan aktiviti dalam bidang perkhidmatan. Semasa Nik Ali Soh Daud selaku Presiden, persatuan telah bekerjasama dengan Persatuan Semangat Pattani menyediakan perkhidmatan kapal haji untuk bakal-bakal haji dari Selatan Thailand pada tahun 1952.<sup>11</sup>

Satu tuntutan kepada pihak berkuasa yang dibuat oleh persatuan semasa Harun Haji Daud, selaku Presiden dan berjaya mendapat perhatian kerajaan ialah tuntutan supaya

---

<sup>7</sup>Beliau berasal dari Bangkok dan berhijrah ke Narathiwat. Beliau menjadi Presiden Persatuan PIN pada tahun 1950-1951. Temuramah dengan Sorn Thaisanit.

<sup>8</sup>Temuramah dengan Abdul Rahim Che Majid.

<sup>9</sup>Beliau dipilih sebagai wakil rakyat dalam pilihanraya umum pada 29 Januari 1948.

<sup>10</sup>Kemudian pihak berkuasa melarang perarakan dalam bentuk tersebut dan diganti dengan perarakan burung dalam perayaan Maulid selama tiga tahun berturut-turut. Kemudian dihentikan keran dapat tentangan hebat dari masyarakat Islam. Temuramah Dengan Jaafar Deraman pada 20 April 1995.

<sup>11</sup>Temuramah dengan Dato' Sin Daraman.

dibina jambatan menghubung Kampong Kai dengan bandar Narathiwat.<sup>12</sup> Jambatan ini perlu kerana ia sebagai jalan menghubungi daerah-daerah lain seperti Takbai dan Sungai Golok.

Pada tahun 1970-an peranan yang dimainkan oleh Persatuan Islam Narathiwat jelas tertumpu kepada aspek pendidikan dan sosial. Semasa pimpinan Siri (Abdul Rashid) Abdul Saleh (1972-1973), tumpuan diberikan kepada pendidik. Dari laporan Minit Mesyuarat Tahunan 1973 terdapat empat aktiviti pendidikan, dua daripadanya ialah memperhebatkan lagi pengajian kelas orang dewasa untuk penduduk Islam dalam rangka melengkapkan mereka dengan pengetahuan akademik dan bahasa Thai. Bagi golongan wanita diadakan kelas-kelas jahitan, persolekan dan penyediaan makanan dengan kerjasama Persatuan Pan Pacific dan pihak berkuasa Narathiwat.<sup>13</sup> Dalam tempoh tersebut peserta wanita seramai 150 orang telah berjaya dalam kursus yang diadakan.<sup>14</sup>

Untuk memberi kefahaman tentang ugama Islam kepada ahli dan juga masyarakat umum, persatuan telah mengadakan kelas agama pada tiap-tiap minggu<sup>15</sup> dengan menjemput guru-guru ugama yang dikenali ramai seperti Tuan Guru Haji Abdul Rahman dari pondok Pombing, Pattani dan pengajar tetap disediakan iaitu Haji Umar Taib, Mudir

---

<sup>12</sup>Temuramah dengan Rahim Che Majid.

<sup>13</sup>Minit Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan Islam Narathiwat 1973 (Bahasa Thai).

<sup>14</sup>Ibid.

<sup>15</sup>Ibid.

Madrasa Attarkiah Islamiah.<sup>16</sup> Pengajian ugama ini walaupun dipengaruhi oleh ajaran kaum muda tetapi mereka tidak menyentuh soal kebudayaan dan kesenian yang diamalkan oleh persatuan seperti permainan muzik yang mana persatuan sendiri menubuhnya dengan diberi nama “Makom”, tarian joget (Ronggeng) dan zapin sewaktu perayaan hari raya Idil-Adha dan sebagainya.<sup>17</sup> Ini mungkin kerana fahaman lama masih kuat di kalangan ahli jawatankuasa dan sebaliknya orang yang dapat dipengaruhi oleh ustaz-ustaz masih berkurangan. Lagipun setelah dibina istana di Narathiwat pada tahun pertunjuikan kesenian tempatan amat digemari oleh pihak istana. Faktor ini juga turut memperkuuhkan lagi amalan seni tersebut dan sukar bagi kaum ugama menentang arus ini.

Sorn (Che Isa) Thaisanit seorang pegawai di Majlis Perbandaran Narathiwat telah mengambil alih teraju pimpinan Persatuan Islam Narathiwat pada tahun 1974-1975. Di saat ini persatuan turut mendapat tempias arus kebangkitan demokrasi. Walaupun persatuan dibatasi kegiatannya di segi politik oleh undang-undang tetapi di peringkat individu dan sesetengah ahli jawatankuasa turut serta dalam kegiatan menggerak dan menyebar ideologi demokrasi kepada masyarakat Islam di Narathiwat yang dijalankan oleh Pergerakan Pelajar Islam Selatan.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup>Temuramah dengan Jaafar Deraman.

<sup>17</sup>Ibid.

<sup>18</sup>Ibid.

Selain dari itu persatuan juga memain peranan membantu dan mengambil bahagian dalam khidmat bakti yang dijalankan oleh Persatuan Pelajaran Islam Universiti Thammasart dan Universiti Chulalongkorn. Kegiatan ini tertumpu kepada pembinaan bangunan sekolah dan menyedarkan masyarakat Islam tentang hak dan kewajipan mereka dalam politik kenegaraan.

Apabila Kementerian Dalam Negeri mengadakan pilihan raya bagi ahli Majlis Perbandaraan pada bulan Disember 1974 beberapa orang ahli jawatankuasa persatuan telah meletak jawatan<sup>19</sup> untuk menyertai dalam pertandingan itu. Mereka-mereka itu ialah Sorn Thaisanit Presiden Persatuan, Siri (Taufik) Daraman dan Panya Pimanmen.

Dalam pilihan raya umum yang diadakan buat kali pertama setelah regim Thanom digulingkan pada awal tahun 1975 terdapat dua orang bekas pemimpin Persatuan Islam Narathiwat yang mencalonkan diri dalam pilihanraya ini iaitu Siri Abdul Saleh dan Rewat (Tengku Ramli) Rajmukda yang telah dihuraikan dalam Bab IV.

Pada tahun 1976-1977 Persatuan Islam Narathiwat berada di bawah kepimpinan Ya Che Mat seorang pegawai di Jabatan Pendidikan Wilayah Narathiwat. Oleh kerana beliau juga seorang kakitangan kerajaan maka kegiatan persatuan amat diawasi supaya tidak timbul prasangka dan curiga dipihak berkuasa kerana situasi ketika itu sangat

---

<sup>19</sup>Mengikut undang-undang tubuh persatuan mana-mana ahli jawatankuasa yang ingin menceburkan diri dalam politik pilihanraya dikehendaki meletak jawatan masing-masing. Temuramah dengan Jaafar Deraman.

membimbangkan. Hubungan baik dengan pihak berkuasa diutamakan dengan mengambil sikap berkecuali terhadap masalah konflik di antara rakyat dan kerajaan khususnya kes demonstrasi orang Islam di Patani.<sup>20</sup> Dengan itu pimpinan persatuan menumpu kegiatan kepada kerja-kerja sosial dan kebudayaan.

Dari personaliti-personaliti yang memimpin Persatuan Islam Narathiwat pada tahun 1970-an didapati mereka itu bertugas dengan kerajaan pusat (Siri Abdul Salleh dan Ye Che Mat) dan pihak berkuasa tempatan (Sorn Thisanit), dengan itu hubungan dengan pihak berkuasa amat rapat. Walaupun kesedaran politik meninggi tetapi penglibatan secara terbuka tidak dapat dilakukan kerana halangan dari undang-undang negara. Dalam keadaan seperti ini kerjasama dengan pertubuhan lain dalam pemupukan kesedaran di kalangan rakyat dilakukan dengan berhati-hati supaya ia tidak merosakkan imej persatuan pada pandangan pihak berkuasa. Dari sikap dan pendirian persatuan seperti ini menyebabkan persatuan tidak begitu terkenal atau berperanan dalam melindungi kepentingan orang Islam. Lagipun pihak berkuasa sendiri kerap memandang sepi kewujudan persatuan dan tidak pernah meminta apa-apa pandangan atau saranan dalam proses menangani persoalan sosial dan politik yang berkaitan dengan orang Islam. Namun begitu, satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah penyatuan generasi terawal dan generasi yang mewarisinya dalam penubuhan dan pelaksanaan kegiatan-kegiatan dalam Persatuan Islam Narathiwat adalah lahir dari keinsafan dan kesedaran yang ingin melihat perpaduan orang Islam dan menjadikannya sebagai platform untuk menyumbang bakti

---

<sup>20</sup>Temuramah dengan Ya Che Mat.

kepada masyarakat setempat yang selaras dengan kehendak undang-undang negara dan sesuai dengan iklim politik semasa. Boleh disimpulkan bahawa Persatuan Islam Narathiwat adalah memain peranan sebagai pendorong kepada orang Islam untuk memahami kepentingan berorganisasi, mematangkan mereka dalam pengurusan hal ehwal persatuan seperti teknik pengendalian satu-satu mesyuarat, memantap fikiran dalam menerima pandangan yang pro dan kontra dengan hati terbuka serta menghormati suara majoriti. Persatuan juga menjalankan prinsip pemilihan pimpinan untuk menerajui persatuan. Kesemua ini adalah prinsip asas pemerintahan demokrasi. Dengan kata lain Persatuan Islam Narathiwat memain peranan sebagai institusi melatih dan membentuk individu Islam supaya bersedia memimpin masyarakat dan mencebur dalam arena politik setempat.

(ii) Pergerakan Pelajar Islam Selatan

Pergerakan Pelajar Islam Selatan atau ringkasnya SELATAN, walaupun ditubuh di Bangkok pada tahun 1973 ia harus disebut di sini kerana dua sebab. Pertama, pemimpin pertama yang memimpin pergerakan ini dan memain peranan penting dalam usaha menyatukan pelajar Islam dari wilayah-wilayah selatan di Bangkok ialah Chusak (Hussein) Manichayangkun seorang pelajar Jurusan Sains Politik di Universiti Chulalongkorn, berasal dari daerah Muang. Kedua, sebahagian dari aktivitinya khususnya program pemupukan kesedaran berpolitik dalam sistem demokrasi dijalankan di Narathiwat. Dengan itu pengkaji menghadkan perbincangan aktiviti Pergerakan Selatan kepada aktiviti yang ada kaitan dengan wilayah Narathiwat sahaja.

Objektif penubuhan Persatuan Selatan adalah seperti berikut:<sup>21</sup>

1. Membela keadilan kepada penduduk di Selatan Thailand
2. Menyediakan suatu pusat pertemuan bagi pelajar Islam yang datang dari selatan
3. Menyedia bantuan kaunseling kepada pelajar baru dari selatan.
4. Menyebar dan memupuk kesedaran Islam di kalangan pelajar baru di Bangkok
5. Menyebar ideologi demokrasi dan mengumpul maklumat berkenaan dengan permasalahan penduduk Melayu-Islam di setiap pagi.
6. Menjalankan kegiatan-kegiatan yang memberi faedah kepada rakyat Thai pada keseluruhan tanpa mengira ugama yang dianutinya.

Setelah pergerakan rakyat dan pelajar berjaya menghalau regim Thanom, maka suasana kebebasan mula dirasai dan digunakan oleh seluruh rakyat namun kebebasan tanpa had juga membawa kekacauan dalam masyarakat. Dalam pada itu kebebasan dan demokrasi kurang dikehendaki oleh penduduk di wilayah selatan termasuk Narathiwat. Rakyat masih dikongkong oleh burokrat terutama polis dan pegawai tadbir Kementerian Dalam Negeri. Hak asasi dicabuli dan kepentingan rakyat sering diketepikan. Berpolitik adalah suatu kegiatan yang membahayakan. Kerajaan pimpinan Prof. Sanya yang menyedari hakikat ini,

---

<sup>21</sup>Omar Farouk, “The Origins and Evaluation of Malay-Muslim Ethnic nationalism in Southern Thailand” dalam Taufik Abdullah & Sharon Siddique (eds), Islam and Society In Southeast Asia, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1986, hlm. 271.

telah menubuhkan sebuah pusat penyebaran kefahaman demokrasi dengan dipertanggungjawabkan kepada Biro Universiti. Kerajaan juga meluluskan peruntukan sebanyak 13 juta untuk tujuan itu.<sup>22</sup> Pelajar-pelajar yang akan menjalankan tugas ini diwajibkan mendapat kursus di Hubkraphong terlebih dahulu. Panduan diberi kepada petugas supaya mengutamakan kepada penerimaan rayuan kesusahan rakyat dan mengelak dari mengambil tindakan mengatasi masalah secara langsung. Apa-apa masalah rakyat yang dipandang sukar atau komplikated hendaklah dilaporkan kepada pusat.<sup>23</sup>

Persatuan SELATAN mendapat kepercayaan dari Biro Universiti untuk menjalankan tugas ihni di wilayah Narathiwat dan juga wilayah Pattani dan Yala dalam jangka masa satu bulan iaitu di bulan April.<sup>24</sup> Bagi daerah Muang, Pergerakan Selatan telah bekerjasama dengan Persatuan Islam Narathiwat.

Dari penilaian umum yang dibuat didapati pelajar-pelajar dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat luar bandar dan berjaya mendampingi mereka dengan baik. Orang ramai berpeluang melahirkan keluhan dan kesusahan mereka terutama dari tindakan pihak berkuasa polis yang senantiasa menindas mereka. Selain dari itu aduan dibuat terhadap kakitangan kerajaan yang pada keseluruhannya melakukan rasuah. Oleh kerana ketika itu banyak beras dari Thailand diseludup ke Malaysia maka rakyat berpendapat bahawa

---

<sup>22</sup>Prachathipatai Raiwan, 26 Januari 1974.

<sup>23</sup>Prachathipatai Raiwan, 18 April 1974.

<sup>24</sup>Temuramah dengan Chysak Maniyachayangkun.

kakitangan kerajaan khususnya yang bertugas di daerah yang bersempadankan Malaysia hampir kesemuanya mengambil bahagian dalam penyeludupan itu.<sup>25</sup> Di sesetengah daerah, pelajar sukar mendapat kerjasama dari orang kampong kerana dibimbangi pelajar-pelajar tersebut menjalankan kerja penyiasatan terhadap kegiatan penyeludupan. Setelah diberi penjelasan barulah mereka memberi kerjasama.<sup>26</sup>

Walaupun dalam menjalankan tugas ini banyak maklumat yang didapati menyentuh kepincangan dan perilaku negatif kakitangan kerajaan tetapi pihak yang berkuasa tempatan terus memberi kerjasama yang memberangsangkan. Petugas juga dapat mendampingi rakyat dengan baik tidak seperti disesetengah bahagian lain<sup>27</sup> kerana kesemua petugas adalah beragama Islam dan berasal dari wilayah yang berkenaan. Walau bagaimanapun teguran dibuat oleh Carun Lokakalin Gobenor Narathiwat ketika itu bahawa sesetengah pelajar berkelakuan kurang sopan khususnya berambut panjang dan jika diberi perhatian kepada perkara-perkara seumpama itu sudah tentu kerja-kerja mereka akan lebih berkesan.<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup>Prachathipatai Raiwan, 23 April 1974.

<sup>26</sup>Prachathipatai Raiwan, 21 April 1974.

<sup>27</sup>Di Wilayah Nongkahi di timur laut Thailand, Pusat Penyebaran Kefahaman Demokrasi terpaksa dibubar beberapa unit kerana didapati sesetengah petugas kurang memahami adat resam dan kebudayaan penduduk setempat. Ada yang berjudi, minum arak dan mengurat anak dara. Prachathipatai Raiwan, 28 April 1974.

<sup>28</sup>Seniu Madakakul, et al. “Samphat Sam Phomuang” (Wawancara Dengan Tiga Gabenor) Rusamilae, Tahun 3, Bil. 6, (Januari-Februari 1975), hlm. 12.

Penyebaran dan kefahaman tentang ideologi demokrasi yang dijalankan oleh kerajaan itu adalah suatu perkara yang baik tetapi dengan hanya menjalankan tugas sebagai penggerak atau pemupuk kesedaran kepada rakyat tentang hak dan kewajipan dalam sistem demokrasi dan dengan hanya mengumpul maklumat kesusahan rakyat yang tidak disusuli dengan tindakan segera untuk membantu mereka khususnya yang lahir dari penganiayaan kakitangan kerajaan, tidak banyak membantu melegakan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat dan mereka terus dalam resah. Walaupun begitu, di satu tahap ia berjaya membangkit kesedaran politik di kalangan penduduk Islam yang selama ini lesu dan kaku.

(iii) Pertubuhan Yang Ditubuh Oleh Kerajaan

Pertubuhan yang disusun atau ditubuh oleh pihak berkuasa, bukan kerana inisiatif rakyat pada masa itu ialah Pengakap Kampong atau Luksua Chaoban. Pertubuhan ini mula ditubuhkan pada 9 Ogos 1971<sup>29</sup> tetapi bergerak cergas selepas regim Thanom digulingkan kerana dirasakan institusi raja mula dicabar oleh golongan kiri dan anasir komunis yang bergerak cergas mempengaruhi golongan pelajar dan rakyat. Oleh itu matlamat utama pertubuhan ini ialah memupuk semangat cintakan institusi raja dan menentang habis-habisan terhadap mereka-mereka yang cuba menggugat institusi ini. Pada tahun 1976 dipercepatkan lagi beberapa kursus di kalangan rakyat yang menyertai

---

<sup>29</sup>Montri Chenwitkan, “Klumphalang Muanchon Phuenthan Kab Kankaoruam Thangkanmuang Nai Chonbot Thai” (Gerakan Rakyat Peringkat Asas Dan Penglibatan Dalam Politik Di Kawasan Luar Bandar Thai). Ratthasartsan, Tahun 8, Bil. 3, (September-Disember), 1982, hlm. 185.

Pengakap Kampong ini. Sehingga pertengahan tahun tersebut pihak berkuasa berjaya melatih Pengakap Kampong seramai 1,000 kelompok (batch).<sup>30</sup>

Suasana politik di daerah Muang dan wilayah Narathiwat amat berbeza dari wilayah utara. Daerah ini jauh daripada dipengaruhi oleh golongan kiri atau anasir komunis. Dengan itu keperluan untuk menubuhkan Pengakap Kampong tidak timbul. Lagipun beberapa aktiviti yang dijayakan ketika diadakan kursus atau latihannya bertentangan dengan ajaran Islam. Dengan itu pada umumnya pertubuhan seperti itu tidak disertai oleh orang Islam.

### Tuntutan

Selain dari pencalonan dan pembuangan undi dalam pilihan raya yang telahpun dibincang dalam Bab IV, satu lagi bentuk penyertaan dalam politik oleh masyarakat Islam di daerah Muang ialah penyertaan dalam bentuk tunjuk perasaan dan protes. Pada tahun 1970-an terdapat dua tunjuk perasaan yang penting dalam daerah ini iaitu tunjuk perasaan disebabkan kesangsian terhadap kewibawaan gabenor Narathiwat dalam menangani masalah penyaludupan beras ke Malaysia. Satu lagi ialah tunjuk perasaan membantah perobohan Masjid Jumiah, salah satu masjid yang tertua dan dianggap sebagai lambang sejarah masyarakat Islam di Narathiwat.

---

<sup>30</sup>Pramuan Ruchanaseri, “Luksua Chaoban” (Pengakap Kmpong), Mahatthai, Tahun 11, Bil. 15, (Ogos 1976), hlm. 61.

(i) Tunjuk Perasaan Terhadap Kewibawaan Gabenor Narathiwat

Kedudukan ekonomi negara Thai sepanjang tahun 1974 berada dalam keadaan kurang stabil kerana kadar inflasi yang tidak terkawal dan harga barang keperluan harian melambong tinggi, malah barang lain-lain turut meninggi, ia berpunca dari kenaikan harga minyak. Dari kajian yang dibuat oleh akhbar didapati bahawa dalam jangka masa enam bulan pertama tahun 1974 harga barang makanan meningkat 20 peratus.<sup>31</sup> Keadaan ini telah menyusahkan rakyat. Wilayah Narathiwat juga tidak dapat mengelak dari keadaan seperti ini. Oleh kerana wilayah ini bersempadan dengan Malaysia maka ia digolongkan ke dalam wilayah yang diharamkan pemindahan beras ke lain daerah atau wilayah. Ini bererti beras yang dikhaskan untuk kegunaan sesebuah wilayah dan daerah tidak dibenarkan diguna di lain wilayah dan daerah. Kerajaan menentukan jumlah beras bagi kegunaan sesebuah wilayah dalam tempoh satu tahun dengan cara kiraan jumlah padi yang dapat dihasilkan pada satu tahun dengan bilangan penduduk. Kalau hasil pehngeluaran padi tidak mencukupi untuk kegunaan penduduk dalam wilayah itu maka selebihnya itu akan diimport dari luar. Pihak berkuasa wilayah akan menyatakan juklah beras yang diperlukan kepada Kementerian Perdagangan supaya diberikan quota beras kepada pihak wilayah dan diagihkan peniaga untuk mengimport beras dari wilayah yang

---

<sup>31</sup>Siamrath Sapdahwichan, 7 April 1974, hlm. 6.

berupaya mengeksportkannya. Pada realitinya, peniaga akan membawa beras yang lebih dari yang dibenarkan.<sup>32</sup>

Pengangkutan beras yang lebih dari quota yang dibenarkan itu kalau untuk kegunaan dalam wilayah tidak akan menimbulkan masalah kepada pengguna. Tetapi pada realitinya, beras tersebut akan diseludupkan ke Malaysia. Bukan sahaja beras yang selebih dari quota yang diseludupkan malah beras untuk kegunaan penduduk Narathiwat pun turut diseludup.<sup>33</sup> Penyeludupan dilakukan secara sindiket yang ada hubungkait antara peniaga dan pegawai kerajaan tempatan dari pelbagai agensi seperti Jabatan Perdagangan Wilayah, Kastam dan Pegawai Tadbir Kementerian Dalam Negeri.<sup>34</sup> Dari laporan sebuah akhbar menyatakan bahawa pegawai kerajaan mendapat habuan dari peniaga terbabit sebanyak 125 baht setiap satu guni beras.<sup>35</sup> Pelbagai cara digunakan untuk kerja-kerja penyeludupan. Bagi penyeludupan terus ke Malaysia digunakan perahu kolek atau bot

---

<sup>32</sup>Wira Musikapongse, “Karatchakan Thai Kab Kontangdao Ruamkan Tamna Bonlang Chaona Thai” (Kakitangan Kerajaan Thai Dan Peniaga Asing Bersama Memeras Petani Thai), Siam Rath, 11 Februari 1974, hlm. 5.

<sup>33</sup>Pejabat Daerah di setiap daerah dalam wilayah Narathiwat akan mengenalpasti bilangan penduduk dalam daerah masing-masing dan akan mengeluarkan kad quota beras untuk satu-satu keluarga. Tuan rumah membeli beras di kedai wakil penjual beras kerajaan dengan menunjukkan kad tersebut. Bagi wakil penjual beras, mereka akan memohon untuk menjual beras mengikut quota yang dikeluarkan oleh pejabat daerah. Lazimnya sedikit sahaja beras dijual dan yang selebihnya diseludup keluar negeri. Maklumat dari seorang kakitangan kerajaan yang tidak mahu namanya di sebut.

<sup>34</sup>Wira Musikapongse, Karachakan, hlm. 5. Sebenarnya penyeludupan beras keluar negara melibatkan gabenor, pegawai daerah, ketua polis daerah dan lain pernah berlaku selepas perang dunia kedua. Pada ketika itu kerajaan tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka kerana ia juga melibatkan menteri kerajaan pusat. Lihat John Coast, Some Aspects, hlm . 36.

<sup>35</sup>Siam Rath, 2 Mac 1974.

nelayan yang dapat dimuat sebanyak 25 guni/bag setiap sebuah bot.<sup>36</sup> Perkhidmatan kereta api juga digunakan untuk membawa beras melintasi sempadan daerah. Dikatakan perletakan beras di dalam gerabak keretapi juga ada kadar yang berlainan, contohnya di dalam tandas dikenakan 300 baht.<sup>37</sup> Apabila pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap kegiatan penyeludupan beras, peniaga akan mengubah cara pengangkutan dari menggunakan lori kepada tentera semut iaitu satu cara membahagikan beras kepada jumlah yang lebih kecil seperti beg kertas dan dibawa oleh budak-budak atau orang dewasa.

Dari kegiatan ini didapati faedah besar diperolehi oleh peniaga atau taukeh-taukeh beras, hanya sebahagian kecil sahaja yang dinikmati oleh sejumlah penduduk yang terbabit. Terdapat sejumlah nelayan menukar pekerjaan mereka kepada kerja mengambil upah menyeludup beras dengan bot-bot mereka dengan upah sebanyak 30 baht bagi satu guni beras.<sup>38</sup> Buruh yang bekerja dipengkalan dan penoreh getah ikut serta menyeludup beras kerana upahnya lebih lumayan dari kerja-kerja asal khususnya ketika harga getah tidak begitu memberangsangkan kerana harganya di tahap yang rendah iaitu 9.20 baht sekilo.<sup>39</sup> Keadaan ini menyebabkan kekurangan buruh di beberapa sektor melanda wilayah Narathiwat. Di segi sosial, kegiatan penyeludupan juga menjejas pembelajaran murid-

---

<sup>36</sup>Seni Madakakul, et al., Samphat, hlm. 9. Kenyataan ini dibuat oleh Charun Lokakalin Gabenor Wilayah Narathiwat.

<sup>37</sup>Ibid.

<sup>38</sup>Ibid.

<sup>39</sup>Khao Phanich, 2 Ogos 1974, hlm. 10.

murid sekolah di daerah sempadan. Oleh kerana mengejar upah, mereka ponteng sekolah. Di sesetengah kawasan keadaan ini berlaku sehingga sekolah terpaksa ditutup secara automatik.<sup>40</sup> Keadaan seperti ini juga memburukkan lagi taraf pendidikan orang Islam yang akan menimbul masalah sosial di masa hadapan.

Natijah dari kegiatan penyeludupan ini telah menimbulkan kesusahan di kalangan penduduk Narathiwat khususnya penduduk daerah Muang kerana peluang menyertai kegiatan itu tidak ada disebabkan kedudukan geografi daerah itu yang jauh dari sempadan. Selain dari kekurangan beras, ia juga menyebabkan harga beras lebih mahal. Keadaan ini mendorong sekumpulan penduduk seramai 200-300 orang yang dipimpin oleh Siddik Sharif, telah berkumpul di hadapan Pejabat Gabenor pada tahun 1974 untuk melahirkan perasaan kurang berpuashati dengan kewibawaan Charun Lokakalin, Gabenor Narathiwat (1971-1974) dalam menangani masalah penyeludupan tersebut. Mereka mendakwa gabenor itu turut mendapat ganjaran dalam kegiatan itu dengan cara memberi quota mengimport dan menjual beras di tiap-tiap daerah dalam wilayah Narathiwat kepada rakan-rakan beliau. Kemudahan ini juga digunakan untuk menjalankan kegiatan penyeludupan beras keluar negara.<sup>41</sup> Mereka juga mendesak pihak kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri menukar gabenor itu kewilayah lain.<sup>42</sup> Tunjuk perasaan secara

---

<sup>40</sup>Siam Rath, 2 Mac 1974.

<sup>41</sup>Temuramah dengan Haji Mat Wan Deraman pada 4 April 1995.

<sup>42</sup>Ibid.

damai ini diadakan sepanjang hari dan bersurai di sebelah petang dan tidak ada apa-apa kejadian buruk berlaku.

Reaksi gabenor dalam hal ini ialah beliau mengakui masalah penyeludupan beras timbul disebabkan oleh harga jualan di pasaran Malaysia lebih lumayan dan berlipat ganda. Harga beras di Narathiwat 400baht seguni tetapi apabila berjaya diseludup harganya melambung kepada 800 baht.<sup>43</sup> Lagipun sempadan Thai-Malaysia yang begitu panjang menyukarkan pihak berkuasa menjalankan tugas membentera penyeludup.<sup>44</sup> Beliau juga mengakui bahawa kebanyakannya kakitangan kerajaan di daerah berkenaan memberi laluan dan melindungi peniaga. Sikap tidak memberi kerjasama kepada beliau oleh kakitangan kerajaan dalam usaha membentera penyeludupan menambahkan lagi kerumitan.<sup>45</sup>

Berkenaan dengan tuduhan petunjuk perasaan, beliau menafikan keterlibatan beliau dan menyakini bahawa tunjuk perasaan itu adalah reaksi dari tindakan tegas beliau dalam beberapa siri operasi khususnya penahanan budak-budak yang memain peranan penting dalam kerja penyeludupan kerana peniaga menggunakan budak-budak sebagai alat.<sup>46</sup>

---

<sup>43</sup>Prachathipatai Raiwan, 1 Julai 1974.

<sup>44</sup>Ibid.

<sup>45</sup>Seni Madakakul, et. Al., Samphat, hlm. 8-9.

<sup>46</sup>Ibid., hlm. 9.

Pihak Kementerian Dalam Negeri tidak mengambil apa-apa tindakan kepada gabenor ketika itu lagipun di pihak gabenor terdapat sekumpulan penyokong yang datang beramai-ramai ke stesen kereta api Tanjong Mas untuk menyambut kepulangan beliau dari Bangkok.<sup>47</sup>

(ii) **Tunjuk Perasaan Membantah Perobohan Masjid Al-Jumiah**

Tunjuk perasaan yang bersejarah di Daerah Muang ini berpunca dari keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa Masjid tersebut supaya diroboh masjid lama dan dibina masjid baru sebagai ganti. Jawatankuasa Masjid tersebut memberi alasan seperti berikut.<sup>48</sup>

1. Masjid lama berada dalam keadaan uzur dan akan runtuh serta membahayakan orang yang gunakannya. Penilaian tersebut dibuat pada tahun 1963 apabila Haji Daud Mat Diah, selaku Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam Narathiwat (MUIN) beserta ahli jawatankuasa Masjid Al-Jumiah menjemput arkitek dan jurutera dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri supaya membuat pemeriksaan terhadap bangunan masjid tersebut. Hasil dari pemeriksaan didapati struktur tapak binaan masjid tidak kuat, bahagian atas bumbung masjid terdapat kesan retak yang boleh mengakibatkan keruntuhan bangunan masjid ini.

---

<sup>47</sup>Temuramah dengan Haji Mat Wan Deraman.

<sup>48</sup>Jawatankuasa Masjid Al-Jumiah Narathiwat, "Khuampenma Naikan Ruthon Masjid" (Susur Galur Perobohan Masjid). Risalah ini yang mengandungi 3 muka surat disebar kepada orang ramai sebagai penjelasan kepada tuduhan pihak penunjuk perasaan.

2. Masjid yang sedia ada tidak dapat menampung bilangan maknum yang semakin ramai bertambah.
3. Masjid baru yang lain tidak harus didirikan kerana dibimbangi akan berlaku pecah belah di kalangan penduduk bandar Narathiwat.
4. Sebelum membuat keputusan untuk meroboh, jawatankuasa Masjid telah meminta pendapat dan pandangan ulama-ulama termasuk Sheikhul Islam. Mereka menyatakan perobohan ini tidak menyalahi hukum ugama.

Dari satu sudut, pendorong utama dalam usaha meroboh masjid lama dan membina masjid baru di atas tapak masjid lama ialah peruntukan kerajaan berjuta-juta baht.<sup>49</sup> Pada tahun 1969 Rewat (Tengku Ramli) Rajmukda wakil rakyat Narathiwat dan haji Daud Mat Diah, Yang Dipertua MUIIN ketika itu telah membuat pengesyoran kepada kerajaan supaya sebuah masjid baru dibina di bandar Narathiwat.<sup>50</sup> Cadangan ini dipesetujui oleh kerajaan dengan ditambah bilangan masjid baru tidak terhad kepada Narathiwat sahaja tetapi merangkumi wilayah lain yang majoriti penduduknya berugama Islam seperti Patani, Yala dan Satun.<sup>51</sup> Projek ini bermula pada tahun 1971 dan peruntukan pembinaan disediakan tiap-tiap tahun sehingga tahun 1976.<sup>52</sup>

---

<sup>49</sup>Sehingga tahun 1975 wang peruntukan berjumlah 4,990,000 baht.

<sup>50</sup>Jawatankuasa Masjid Al-Jumiah Narathiwat, Khuampenma, hlm. 1.

Keputusan Jawatankuasa Masjid Jumiah pada awalnya tidak mendapat apa-apa reaksi dari masyarakat Narathiwat.<sup>53</sup> Tetapi setelah masjid mula diroboh pada pagi 15 November 1975 berita ini tersebar dengan cepatnya di seluruh wilayah Narathiwat. Namun pada hari pertama tidak ada apa-apa berlaku. Mungkin persiapan di pihak membantah belum bersedia.

Pada 16 November pukul 6.30 pagi penduduk Narathiwat yang dipimpin oleh Manit (Che Muda) Sanitwati<sup>54</sup> mulai bekumpul di halaman masjid dan melarang pekerja dari meroboh masjid. Penunjuk perasaan menuduh jawatankuasa masjid telah melakukan kesalahan pada syarak kerana meroboh masjid yang dibina dengan wang dan bahan binaan yang dikhairatkan oleh orang yang terdahulu. Mereka juga menekankan bahawa masjid Jumiah yang juga disebut Masjid Raja adalah sebuah masjid yang bersejarah, selama mana masjid itu ada selagi itulah sejarah negeri Legeh dikenangi orang. Kalau ia diroboh dan dibina dengan wang kerajaan maka nilai sejarah masjid itu akan turut terpusus.<sup>55</sup>

---

<sup>51</sup>Krom Sassana, “Khrongkan Sang Masjid Pracham Changwad Paktai 2514-2519” (Projek Pembinaan Masjid Wilayah Selatan 1971-1976). Kertas Projek Kementerian Pendidikan Thailand.

<sup>52</sup>Ibid.

<sup>53</sup>Sesetengah pihak menafikan kenyataan pihak masjid itu. Kata mereka, masjid tidak pernah memaklumkan hal itu kepada makmum. Temuramah dengan pemimpin penunjuk perasaan yang tidak mahu namanya disiarkan.

<sup>54</sup>Bliau adalah suami kepada Tengku Chik, cucu Raja Legeh. Maklumat dari Haji Mat Deraman.

<sup>55</sup>Temuramah dengan Hassan Yusuf pada 29 April 1995.

Bilangan penunjuk perasaan semakin ramai kerana berita dan leaflet yang disampaikan kepada mereka menyeru supaya bersatu menentang orang kafir dan Yahudi yang cuba memusnahkan tempat beribadat dan ugama Islam.<sup>56</sup> Ditambah pula kehangatan syarahan yang diberi oleh pemidato dan para ustaz seperti ustaz Mahmud Abdul Latif.<sup>57</sup> Sasaran penunjuk perasaan bukan sahaja ahli jawatankuasa masjid tetapi termasuk juga ahli jawatankuasa MUIN khususnya Haji Wan Hassan Omar Yang Di pertua MUIN kerana beliau memfatwakan bahawa perobohan masjid Madinah pernah diroboh dan diubahsuai beberapa kali.<sup>58</sup>

Pihak Jawatankuasa Masjid juga menyangkal dakwaan pihak pembangkang tentang umur Masjid Al-Jumiah bahawa sebenarnya masjid ini dibina pada tahun 1941 menggantikan masjid yang dibina dari kayu sebelum itu.<sup>59</sup> Dengan itu masjid ini baru berusia 34 tahun bukan beratus tahun seperti yang didakwakan.<sup>60</sup>

---

<sup>56</sup>Jawatankuasa Masjid Al-Jumiah, “Manut Ubat Thub Thamlai Masjid” (Manusia Jahat Memusnahkan Masjid), hlm. 3. Risalah ini mengandungi 3 muka surat.

<sup>57</sup>Temuramah dengan Dato Sin Deraman pada 19 April 1995. Mahmud Abdul Latif ditembak mati dalam peristiwa tunjuk perasaan di hadapan Pejabat Gabenor Pattani pada bulan Disember 1975. Lihat keterangan lanjut dalam Zamberi A. Malik, Umat Islam Patani, hlm. 295.

<sup>58</sup>Ibid.

<sup>59</sup>Jawatankuasa Masjid Al-Jumiah, Khuampenma, hlm. 3.

<sup>60</sup>Masjid Jumiah yang panjangnya 24 meter dan lebarnya 18 meter mula dibina pada tahun 1941 oleh sekumpulan pemimpin masyarakat Islam seperti Haji Wan Abdul Rahman Che Ismail Dato Kadi, Khun Chayawichan (Wan Yusuf Marohaputra) pegawai pendidikan, Haji Che Dir dan Tok Khun Mamat Manegakira, penggawa bersama penduduk Narathiwat. Masjid itu dibina di atas sebidang tanah seluas hampir satu ekar yang

Pada 18 November pihak berkuasa Narathiwat cuba campur tangan untuk mencari jalan penyelesaian. Mesyuarat diadakan dan dihadiri oleh kedua belah pihak dengan dipengerusikan oleh wakil gabenor. Isu peruntukan tahunan untuk pembinaan masjid baru dan wang yang diberma oleh orang Islam kepada masjid menjadi bahan perbahasan sengit di mana pihak pembangkang menuntut supaya diperiksa akaun masjid. Akhirnya mesyuarat itu membuat keputusan melantik sebuah jawatankuasa untuk memeriksa akaun masjid dan memaklumkan kepada orang ramai secepat mungkin.<sup>61</sup> Gabenor Narathiwat ketika itu, Wachara Singkhawibun (1975-1977) terus melantik jawatankuasa tersebut yang diketuai oleh Pegawai Kewangan Wilayah dan dianggotai oleh Pegawai Pendidikan Wilayah atau wakil, Bendahari Wilayah dan wakil pembangkang seramai 3 orang.<sup>62</sup>

Pada hari ini bilangan penunjuk perasaan dianggarkan seramai 6,000 orang.<sup>63</sup>

Pada pukul 7 malam, sekumpulan penunjuk perasaan telah berkumpul di hadapan rumah pemimpin yang menyokong projek pembinaan masjid baru seperti Haji Omar Taib. Dato' Kadi, Dato Sin Deraman. Dato Kadi, Haji Prasart (Haji Abdul Rasul) Pimanmen bekas Dato Kadi, Karim Chaengdeja dan Haji Abdullah Che Dir. Mereka hanya melaung-

---

diwakafkan oleh Phraya Phuphapakdi (Raja Legeh). Sebelum dibina masjid, tanah itu diberikan kepada seorang keabat di Raja Kelantan yang mencari perlindungan di negeri Legeh. Selain kediaman kerabat diraja tersebut dan pejabat Majlis Ugama Islam, kawasan tanah itu<sup>7</sup> juga dibina sebuah masjid yang diperbuat dari kayu. Apabila masjid baru hendak dibina maka masjid kayu dirobohkan. Temuramah dengan Dato Sin Deraman.

<sup>61</sup> Surat Pejabat Gabenor Narathiwat No. To. 23/11129 bertarikh 19 November 1975.

<sup>62</sup> Perintah Wilayah Narathiwat No. 1023/2519 bertarikh 198 November 1975.

<sup>63</sup>Ibid.

laung sebagai ugutan tanpa mengguna kekerasan dan pihak polis tidak mengambil apa-apa tindakan.<sup>64</sup>

Pada 19 November adalah hari yang akan diadakan mesyuarat untuk memeriksa akaun masjid di Pejabat Gabenor. Pihak pembangkang inginkan mensyuarat itu diadakan di MUIN, dengan itu mereka menghabarkan hal itu kepada Pejabat Gabenor dan dipersetujui oleh Gabenor. Pada pukul 2.00 petang iaitu masa untuk dimulakan mesyuarat, terdapat sekumpulan penunjuk perasaan seramai lebih kurang 200 orang telah datang ke Pejabat Gabenor untuk menjemput pihak ahli jawatankuasa masjid. Ketika ahli jawatankuasa masjid bersama gabenor keluar dari pejabatnya, kumpulan tersebut mengerumuni Haji Omar Taib, salah seorang ahli jawatankuasa dan Dato' Kadi, lalu mengusung dan mengejek beliau sepanjang jalan ke masjid<sup>65</sup> ahli jawatankuasa lain tidak diganggu oleh penunjuk perasaan seburuk Haji Omar Taib. Ini berkemungkinan kerana beliaulah paling menonjol dalam mengeluarkan fatwa membolehkan masjid diroboh dan menjadi sasaran sekumpulan orang yang kalah dalam pertandingan merebut jawatan kadi. Penunjuk perasaan juga memaksa beliau meletakkan jawatan sebagai kadi tetapi beliau enggan menandatangani dalam surat perletakan jawatan.<sup>66</sup>

---

<sup>64</sup>Temuramah dengan Dato Sin Deraman.

<sup>65</sup>Ibid.

<sup>66</sup>Ibid.

Dari pukul 3 petang sehingga pukul 7 malam, mesyuarat berlangsung dengan dipengerusikan oleh Gabenor Wilayah Narathiwat dan dihadiri oleh 28 orang pihak pembangkang dan 7 orang mewakili jawatankuasa masjid. Ketika itu bilangan penunjuk perasaan yang berhimpun di hadapan MUIN lebih kurang 4,000 orang. Lebih kurang pukul 7 malam terdengar dentuman bom berdekatan dengan kolam mengambil air sembahyang di masjid tersebut. Timbulah keadaan kelam kabut, masing-masing lari berkeliaran dan terus bersurai begitu juga dengan gabenor dan perwakilan kedua belah pihak.<sup>67</sup> Difahamkan bahawa letupan bom plastik itu dilakukan oleh pihak berkuasa dengan tujuan untuk menyurai penunjuk perasaan kerana setelah diambilkira keadaan dan emosi penunjuk perasaan ketika itu amat kritikal jika tindakan sewajar tidak diambil segera. Keadaan penunjuk perasaan di hadapan MUIN yang senantiasa melaung dan bersorak menganggu kelangsungan mesyuarat. Kelewatan mencapai persetujuan telah menghilang kesabaran mereka sehingga ada yang mengencam perwakilan mereka sendiri.<sup>68</sup>

Pada keesokan hari, gabenor telah menjemput orang yang berkenaan untuk disambungkan mesyuarat yang tergendala di MUIN pada pukul 9.30 pagi. Bilangan penunjuk perasaan pada awal pagi itu seramai 400 orang sahaja. Mesyuarat telah berjaya mencapai persetujuan bahawa Masjid Jumiah yang sebahagiannya telah diroboh itu akan

---

<sup>67</sup>Ibid.

<sup>68</sup>Temuramah dengan Che Soh Che Jid pada 7 Mei 1995.

dibaikpulih kepada keadaan asal.<sup>69</sup> Tuntutan pihak pembangkang supaya ahli jawatankuasa meletak jawatan didapati hanya Dato Sin Deraman sahaja yang sedia meletak jawatan ahli jawatankuasa MUIIN dan ahli jawatankuasa masjid. Beliau memberi alasan bahawa jawatan tersebut dipilih oleh rakyat apabila dituntut supaya meletak jawatan maka beliau tidak keberatan berbuat demikian.<sup>70</sup>

Di luar negeri, berita perobohan masjid Jumiah disampaikan kepada Pak Yeh atau Bapa Idris, pemimpin gerila BNPP ketika itu oleh Wan Ahmad, penghulu kampong Marubotok dan Awang Pateng, seorang penduduk mukim Chobok, Daerah Yingor. Mereka menziarahi beliau di Pasir Puteh, Kelantan. Setelah mengetahui kejadian itu, beliau sangat marah dan mengarahkan supaya dibunuh orang-orang yang mengkhianati ugama dan beliau sendiri akan pulang ke Thailand untuk kerja-kerja menghapus orang-orang kafir.<sup>71</sup> Mungkin kerana berita ini diketahui oleh pihak penyokong perobohan Masjid Al-Jumiah, maka ada dari kalangan mereka mencari tempat perlindungan yang lebih selamat untuk sementara waktu khususnya di Kota Bangkok atau persekitarannya.

Sesetengah penduduk Daerah Muang walaupun tidak setuju dengan perobohan masjid mereka berhati-hati dalam mengeluarkan pandangan atau tidak terlibat secara

---

<sup>69</sup>Perintah Wilayah Narathiwat, No. 630/2519, bulan Julai 1975 (tidak kedapatan tarikh).

<sup>70</sup>Temuramah dengan Dato' Sin Deraman.

<sup>71</sup>Pinyo Laemfapha, "Sam Changwat Paktai Yangkrunduai Khwamchon," (Tiga Wilayah Selatan Masih Di Selubungi Kemiskinan) Chao Thai, 3 Ogos 1976, hlm. 5.

langsung bagi mengelak dari pertembungan terbuka dengan pemimpin masyarakat bandar Narathiwat yang berpihak kepada penyokong perobohan masjid tersebut.

Tunjuk perasaan ini walaupun merupakan satu pertelingkahan sesama Islam namun ia juga diguna untuk meluahkan perasaan ketidakpuasan hati terhadap pihak berkuasa Thai. Kecenderungan ini dapat dikesan dari kata-kata dalam risalah-risalah yang disebar ke merata daerah dalam wilayah Narathiwat. Perkataan “orang luar ugama atau orang bukan Islam” jelas ditujukan kepada pihak berkuasa Thai. Oleh kerana keadaan di selatan pada masa itu keselamatan kurang terjamin maka sasaran ini tidak ditonjolkan. Langkah berhati-hati dipihak penunjuk perasaan sentiasa diutamakan kerana dibimbangi di peralatkan oleh pihak ketiga. Langkah ini jelas terbukti apabila terdapat sesetengah pihak cuba mencadangkan digunakan kekerasan seperti lemparan bom kepada pekerja yang menjalankan kerja meroboh masjid tetapi cadangan itu ditolak oleh sidang mesyuarat pembangkang.<sup>72</sup>

Perilaku tunjuk perasaan kedua-dua kali itu merupakan tunjuk perasaan yang menumpu kepada satu-satu isu sahaja (Single Issue Protest). Ia cuba mengelak daripada memperluaskan isu kepada isu-isu lain yang tidak kurang pentingnya khususnya isu ketidakpuasan hati terhadap layanan dari kakitangan kerajaan. Ini mungkin kerana ditakuti perbuatan itu akan menambah seterusnya atau penonjolan isu utama terjejas atau mungkin keadaan dan suasana sosial dan politik setempat tidak memberangsangkan sehingga

---

<sup>72</sup>Temuramah dengan seorang pemimpin pembangkang yang tidak mahu namanya disiarkan.

membawa ancaman nyawa dan mungkin juga kerana sikap yang tidak mahu terus berkonfrontasi dengan pihak berkuasa. Oleh itu tunjuk perasaan yang dilakukan hanyalah suatu manifestasi perasaan dan kemahuan rakyat bagi mendapat perhatian dari kerajaan supaya masalah yang dihadapi oleh mereka diselesaikan dengan segera atau sekurang-kurang mendapat jaminan tempoh penyelesaiannya.

### **Respon Kerajaan**

Pada umumnya sesebuah kerajaan demokrasi amat sensitif dengan tuntutan dari rakyat. Kerajaan akan menerima tuntutan untuk dipertimbangkan dan dipenuhi jika ia tidak bertentangan dengan undang-undang dan bidang kuasanya. Dan kadang-kadang ia memerlukan masa yang lama dalam melaksanakan tuntutan itu.

Dalam pembicaraan respon kerajaan Thai terhadap tuntutan yang dibuat oleh orang Islam Daerah Muang khususnya dan orang Islam di wilayah selatan amnya, pengkaji membahagikan kepada 2 peringkat. Ini bertujuan memperlihatkan sejauh mana keikhlasan kerajaan demokrasi pimpinan 3 orang Perdana Menteri dalam menangani masalah yang dihadapi oleh orang Islam. Kedua peringkat itu ialah respon terhadap tuntutan orang Islam di Daerah Muang yang dilahirkan dalam bentuk demonstrasi-demonstrasi yang telahpun dipaparkan dan respon kerajaan terhadap masalah-masalah yang berlaku di selatan Thai yang pada amnya menyentuh orang-orang Islam.

(1) Respon Terhadap Tunjuk Perasaan Di Daerah Muang

Dalam kes tunjuk perasaan terhadap Gabenor Narathiwat, oleh kerana penglibatan penunjuk perasaan begitu sedikit jumlahnya serta dipimpin oleh seorang ahli politik tempatan dari Daerah Sungai Padi yang berhampiran dengan Malaysia, dicurigai keikhlasan beliau. Dengan itu ia kurang mendapat perhatian kerajaan. Lagipun isu yang ditonjolkan tidak berjaya membangkit kesedaran yang dapat mendorong orang ramai turut serta dalam demonstrasi itu. Sebaliknya gabenor mendapat sokongan dari sekumpulan penduduk Islam yang bersimpati dengannya. Setelah mengkaji keadaan di Narathiwat pada keseluruhannya serta tuduhan dari penunjuk perasaan yang tanpa bukti yang konkret maka Kementerian Dalam Negeri lebih cenderung kepada mengekalkan gabenor itu di Narathiwat.

Sebelum berlaku tunjuk perasaan Jabatan Polis telah menukar 8 orang pegawai polis yang disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan beras ke luar negara. Salah seorang daripada mereka ialah Pol. Lt. Sarote Chinvitawirote Timbalan Ketua Polis Daerah Muang. Oleh kerana beliau tekun dalam menjalankan tugas membenteraas gerombolan penjahat maka sekumpulan pelajar sekolah telah membuat rayuan supaya beliau dikembalikan ke tempat asal.<sup>73</sup>

Bagi kes tunjuk perasaan di masjid Al-Jumiah, setelah membuat pertimbangan teliti terhadap potensi penunjuk perasaan dan situasi semasa, pihak berkuasa wilayah tidak

---

<sup>73</sup>Prachathipatai Raiwan, 19 April 1974.

tegas dalam menangani masalah yang timbul. Pemimpin Islam sangsi terhadap keikhlasan pihak gabenor dan dilihat seolah-olah ia sengaja melepas tangan dengan tujuan memburukkan imej dan nama baik pemimpin Islam dan memecahbelahkan masyarakat Islam Narathiwat. Lagipun keadaan bertambah buruk dan semakin komplikated kerana campur tangan beberapa pihak termasuk gerakan pemisahan. Malah berita yang cepat tersebar bertenaga untuk membangkit semangat penentangan di kalangan rakyat bukan setakat terhadap ahli jawatankuasa masjid tetapi menular kepada perasaan anti kerajaan.

Dengan mengambilkira keadaan itu, pihak berkuasa telah mengambil jalan selamat dengan cara menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat iaitu 4 hari selepas tercetusnya tunjuk perasaan. Tindakan segera diambil oleh gabenor untuk mendapatkan peruntukan membaikpulih masjid dan ia telah dilulus oleh Jabatan Ugama Kementerian Pendidikan pada bulan Julai 1976.

Apabila selesai kes tersebut, jawatankuasa masjid mengemuka cadangan pembinaan masjid baru di tapak yang lain<sup>74</sup> sebagai memenuhi dasar kerajaan yang bertujuan membina masjid bagi setiap wilayah selatan.

Penyelesaian persoalan kes masjid Jumiah dengan membaikpulih kepada keadaan asal dan membina masjid baru di kawasan yang lain dianggap bertepatan dengan hasrat

---

<sup>74</sup>Surat Masjid No. 14/2519 bertarikh 8 Jun 1976 kepada Gabenor Narathiwat.

orang Islam yang ingin mengekal yang lama sambil dapat menikmati masjid baru yang lebih besar.

(iii) Respon Terhadap Masalah-masalah Yang Timbul Di Selatan Thai

Di zaman Perdana Menteri Prof. Sanya Thammasak (1973-1974), beberapa usaha dilakukan bagi melayan tuntutan orang Islam sebagai cara penyelesaian masalah yang berlaku di selatan Thailand.

Kerajaan telah membebas 168 orang Islam yang ditahan tanpa bicara di Ladbuakhao Daerah Sikhiu Wilayah Nakonratsima pada 31 Januari 1974. Mereka ditahan mengikut perintah Dewan Revolusi No. 43 atas tuduhan berkelakuan samseng (Anthapan). Dari jumlah tahanan tersebut terdapat 10 orang dari Pattani, 56 orang dari Yala dan 102 orang dari Narathiwat.<sup>75</sup>

Dalam jawapan terhadap soalan daripada Surin Masdit, ahli Dewan Legislatif Negara berhubung tingkah laku pegawai polis dan pegawai tadbir Kementerian Dalam Negeri yang memelihara penjahat dan menyalahgunakan kuasa dalam penyiasatan kes-kes jenayah sehingga berlaku dendam mendendam di antara pihak yang terbabit, maka Kamol Wannaphrapha Menteri Dalam Negeri menjawab bahawa pada tahun 1973 seramai 85 orang pegawai polis dipecat dan 40 orang dipenjara. Jabatan Pentadbiran Dalam Negeri (Department of Local Administration) pula telah memecat 8 orang pegawainya.<sup>76</sup>

---

<sup>75</sup>Siam Rath, 28 Januari 1974.

<sup>76</sup>Prachathipatai Raiwan, 25 April 1974.

Dalam usaha menjaga keamanan di selatan, kerajaan telah melantik satu panel pegawai kerajaan yang dipertanggungjawabkan menjaga keamanan dan keselamatan wilayah selatan yang terdiri dari Maj. Jen. Sant Chitmatima selaku ketua, Pol Maj. Gen Phongsak Pranutnorapan sebagai timbalannya dan Gabenor-gabenor Wilayah Narathiwat, Pattani, Yala dan Satun dan Ketua Polis Kawasan 9. Pegawai-pegawai tersebut diberi kuasa mengeluarkan arahan dalam penyelesaian masalah yang berkaitan dengan keselamatan wilayah selatan serta membuat pengesyoran berkenaan perlantikan dan pertukaran kakitangan kerajaan yang bertugas di wilayah selatan. Pengesyoran tersebut hendaklah dilaksanakan oleh Kementerian yang berkenaan dengan pegawai itu.<sup>77</sup>

Keadaan keselamatan di wilayah selatan di bawah pentadbiran Kukrit Pramoj pun masih mencabar. Hal ini dapat dilihat dari langkah mengemaskinikan Jawatankuasa Menjaga Keamanan Wilayah Selatan yang baru ditubuh mengikut perintah Perdana Menteri itu. Jawatankuasa ini diketuai oleh Lt. Jen. Sant Chitpatima dan dianggotai oleh gabenor 4 wilayah selatan dan 3 pegawai kanan polis di selatan. Perdana Menteri juga memperluaskan lagi bidang kuasa jawatankuasa ini berkuasa memberi arahan kepada kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan awam, polis dan tentera, menyelesai masalah berhubung keselamatan dan keamanan dan membuat pengesyoran perlantikan dan pertukaran kakitangan kerajaan yang berkhidmat di wilayah selatan terus kepada Perdana Menteri untuk bertindak selanjutnya.<sup>78</sup>

---

<sup>77</sup>Perintah Jabatan Perdana Menteri Ti Soloro 29/2517 dipetik dari Khachatphai Burutphat, Thai Muslim, hlm. 371.

<sup>78</sup>Ibid, hlm. 372-373.

Bidang kuasa baru dalam membuat pengesyoran perlantikan dan pertukaran pegawai kerajaan berbeza dari bidang kuasa jawatankuasa yang lalu kerana terbukti bahawa setelah Jawatankuasa itu membuat pengesyoran kepada Kementerian yang berkaitan tidak ada apa-apa tindakan positif dilakukan. Hal ini menghambat usaha-usaha menangani masalah yang ditimbulkan oleh segelintir pegawai kerajaan yang bertugas di selatan.

Kementerian Dalam Negeri juga menyahut dasar Perdana Menteri dalam hal ini dengan menubuh Jawatankuasa Mencegah dan Membenteras Penjahat Di Tiga Wilayah Selatan pada 2 Jun 1975. Jawatankuasa ini diketuai oleh Wiang Sakhonsint, Inspector General Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh gabenor 4 wilayah selatan dan 2 orang pegawai kanan polisi selatan.<sup>79</sup>

Sebagai memenuhi tuntutan rakyat sebelum ini<sup>80</sup> serta meninjau keadaan sebenar di selatan maka Perdana Menteri Kukrit Pramohj telah membuat lawatan ketiga wilayah iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat selama 3 hari pada 29 Januari 1 Februari 1976. Dalam lawatannya di Yala, beliau telah membuat satu kenyataan bersejarah bahawa kerajaan yang lalu kurang tepat dalam menangani masalah rakyat di wilayah selatan kerana enggan menerima realiti bahawa rakyat Thai di selatan adalah keturunan Melayu. Bagi

---

<sup>79</sup>Prachathipatai Raiwan, 3 Jun 1975.

<sup>80</sup>Masyarakat Islam di selatan pernah menuntut supaya beliau datang menemui mereka sewaktu mengadakan demonstrasi bersejarah di Pattani. Tetapi beliau enggan memenuhi tuntutan tuntutan.

segolongan orang Thai, kenyataan ini akan melambatkan lagi proses assimilasi orang Islam di selatan yang telah lama dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan.

Di segi pembangunan di selatan, jelas jauh ketinggalan di setiap aspek, sosial dan ekonomi Kabinet pimpinan Kukrit telah membuat keputusan pada 2 Februari 1976 melantik Menteri Dalam Negeri mempengaruhi sebuah jawatankuasa yang baru dibentuk. Jawatankuasa Mempercepatkan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan itu dianggotai oleh Pengurus Jawatankuasa Operasi Psikologi Kebangsaan, wakil-wakil Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Industri, Biro Belanjawan, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Jawatankuasa Perancangan Ekonomi dan Sosial Kebangsaan dan Ketua Bahagian Penyelaras Kementerian Dalam Negeri selaku Setiausaha.<sup>81</sup>

Di peringkat wilayah diarahkan supaya Lt. Jen. Sant Chitpatima, selaku Pengarah Gerakan Keamanan Wilayah Selatan, menuju Pusat Pembangunan Selatan Thai. Pusat ini dianggotai oleh gabenor 4 wilayah selatan, Inspector-General Jabatan Pentadbiran Dalam Negeri Kawasan 18 dan Ketua Pusat Penyelaras Pentadbiran Wilayah Selatan.<sup>82</sup>

Kerajaan pimpinan Seni Pramoj yang menyusuli Perdana Menteri Kukrit Pramoh pada bulan April 1976 bertindak segera dalam responnya terhadap tuntutan umat Islam

---

<sup>81</sup>Khachadphai Burutphat, *Thai Muslim*, hlm. 376-377.

<sup>82</sup>Ibid., hlm. 377.

dengan melantik Siddik Sharif wakil rakyat Narathiwat sebagai Timbalan Menteri Pendidikan dalam kabinet baru beliau.

Dari tindakan pihak kerajaan didapati sebahagian dilakukan sebagai respon kepada tuntutan dan desakan dari pertubuhan Islam contohnya Pergerakan Pelajar Islam Selatan dalam kes pembebasan tahanan Islam di Sikiu. Namun beberapa tindakan kerajaan bertentangan dengan desakan pertubuhan-pertubuhan Islam. Persatuan Muslim Siam misalnya, dalam pertemuan dengan Prof. Sanya Thammasak pada 8 Jun 1974 menyarankan supaya kerajaan mengambil langkah tidak menggunakan kekerasan dalam menghadapi gerakan pemisahan di selatan Thai.<sup>83</sup> Sebaliknya kerajaan melihat pelbagai insiden yang dilakukan oleh pergerakan pemisahan ketika itu sangat merbahaya dan mengancam keselamatan serta keamanan orang awam dibandar dan di luar bandar. Dalam pentadbiran Kukrit, kerajaan cuba mengatasi persoalan pergerakan pemisahan pada akar umbinya dengan menawarkan supaya Tengku Abdul Jalal Nasir, pemimpin gerakan Barisan Nasional Pembelaan Pattani (BNPP) yang tinggal di negeri Kelantan supaya meninggalkan perjuangan dan menyerah diri kepada pihak kerajaan. Sebagai membalaas tindakan Tengku Abdul Jalal itu, kerajaan bersedia melantik beliau sebagai Penasihat Perdana Menteri bagi hal ehwal tiga wilayah selatan juga sebagai senator. Tetapi apabila diminta jaminan kestabilan jawatan tersebut. Boonlert Lertpricha Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri Kukrit Pramoj tidak dapat meyakinkan beliau.<sup>84</sup>

---

<sup>83</sup>Chomrom Muslim Siam, "Nayobai Kankae Panha Sam Changwat Paktai," (Dasar-dasar Bagi Mengatasi Masalah Tiga Wilayah Selatan), dalam Pattani Wikrit, hlm. 136.

<sup>84</sup>Chao Thai, 2 Jun 1975.

Tindakan tegas kerajaan dengan menukar pegawai kerajaan yang menyalahgunakan kuasa, rasuah dan menindas rakyat adalah selaras dengan tuntan dan saranan yang dibuat oleh Persatuan Muslim Siam<sup>85</sup> dan Persatuan Thai Muslim Selatan.<sup>86</sup> Malah mereka menyarankan supaya kerajaan melantik lebih ramai pegawai kerajaan yang beragama Islam. Lebih dari itu Persatuan Muslim Siam menyarankan supaya dilantik orang Islam ke jawatan Timbalan Gabenor atau Gabenor Wilayah.<sup>87</sup> Supaya pentadbiran di selatan lebih berkesan dan memenuhi hasrat rakyat juga disarankan supaya memberi hak kepada rakyat memilih penguasa tempatan.<sup>88</sup>

Tuntutan dan saranan yang dibuat oleh persatuan Islam yang dianggotai oleh para intelektual dan pegawai kerajaan itu walaupun nampak kejururnya tetapi pada umumnya sukar dilaksanakan oleh kerajaan kerana keadaan dan suasana politik yang kurang mengizinkan. Namun sebahagiannya cuba dilaksanakan secara beransur-ansur contohnya pengambilan graduan Islam ke dalam perkhidmatan kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri sebagai langkah memberi peluang kepada anak tempatan mengambil

---

<sup>85</sup>Chomron Muslim Siam, Nayobai, hlm. 137.

<sup>86</sup>Chomron Thai Muslim Paktai, “Khorsano Naikankae Panha Changwat Chaidaen paktai” (Saranan Bagi Menangani Masalah Wilayah Sempadan Selatan), Warasarn Kharachakan, Jld. 19 Bil. 7 (Ogos 1974) hlm. 49. Persatuan ini didaftarkan secara rasmi pada 19 Julai 1974 dengan dipimpin oleh Wachira (Wan Ali) Marohaputra dari Pattani sebagai Presiden yang pertama. Lihat Undang-undang Tubuh Persatuan Thai Muslim Selatan tahun 1974.

<sup>87</sup>Chomron Muslim Siam, Nayobai, hlm. 143. Penguasa Tempatan yang dimaksudkan di sini ialah gabenor dan penolongnya.

<sup>88</sup>Ibid., hlm. 137.

bahagian dalam pentadbiran. Dengan langkah ini diharapkan akan dapat membantu menangani masalah kaum minoriti Islam di Selatan Thai.